

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 23 Mac 2016 12:10
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Mazni Binti Omar
Subject: UUM COB BUKA TIRAI JELAJAH TAKLIMAT PELAN STRATEGIK FASA II: 2016-2020



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



23 MAC 2016/ 14 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**UUM COB BUKA TIRAI JELAJAH TAKLIMAT PELAN STRATEGIK FASA II:
2016-2020**



IPQ ONLINE: Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti dan UUM COB telah mengadakan Jelajah (*Roadshow*) Taklimat Pelan Strategik UUM Fasa II: 2016-2020 pada 21 Mac 2016. Taklimat yang diadakan di Dewan Seminar B, Kompleks Konvensyen, Universiti Utara Malaysia ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah, Pengarah Institut Pengurusan Kualiti.

Taklimat selama sehari ini dipecahkan kepada dua sesi. Sesi pertama melibatkan pihak pengurusan UUM COB dan Pusat Pengajian, manakala sesi kedua terbuka kepada staf akademik UUM COB. Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga kampus di kalangan tenaga akademik tentang Pelan Strategik UUM Fasa II: 2016-2020; khususnya tentang petunjuk prestasi (*performance indicator*) tenaga akademik yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Perundingan.

Menurut Prof Madya Dr. Haim, "65% KPI Pelan Strategik Fasa Pertama berjaya dicapai. Namun demikian masih ada perjuangan yang perlu diteruskan dalam Fasa II yang terdiri daripada 4 Teras Strategik, 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRAs), 12 Strategik, 16 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 219 Petunjuk Prestasi (PIs)."

"Sebagai warga UUM kita sepatutnya bangga menjadi sebahagian daripada sejarah pencapaian ini. Bahkan perasaan bangga ini akan terus kekal walaupun disaat kita bersara dan UUM terus mencipta kecemerlangannya di persada kebangsaan dan antarabangsa, kerana kita adalah sebahagian dari perjuangan UUM," tambah beliau lagi.

Sementara itu, Sr. Dr. Mohd Nasrun Mohd Nawawi, Dr. Muhamad Azam, Prof. Dr. Rosli Mahmood, Dr. Nazim Hussain dan Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed Udin merupakan *Top 5* penulis untuk penerbitan jurnal berindeks Scopus/ISI bagi tahun 2015 untuk UUM COB.

Prof. Dr. Mohd Khairuddin Hashim, Dr. Noraza Mat Udin, Prof. Madya Dr. Siti Hadijah Che Mat, Dr. Che Azlan Taib dan Prof Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim merupakan *Top 5* penulis utama dalam penerbitan kategori buku bagi tahun 2015.

Manakala Prof. Dr. Nik Kamariah Nik Mat, Prof. Dr. Zakaria Abas, Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof, Dr Nor Azam Abdul Razak dan Prof. Madya Dr. Hartini Ahmad merupakan *Top 5* penyelidik utama berdasarkan jumlah geran yang tertinggi diperolehi bagi tahun 2015.

Pelan Strategik Fasa II dirangka untuk mencapai sasaran agenda utama universiti khususnya *Research University (RU)*, *Rankings* dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pengajian Tinggi (PPPM-PT).

Turut hadir pada taklimat Pelan Strategik UUM Fasa II ialah pihak pengurusan pusat pengajian dan tenaga akademik UUM COB. Hadir sama pada sesi taklimat ini Dr. Mazni Omar, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti.

Sesi taklimat seterusnya akan melibatkan UUM CAS dan UUM COLGIS.

Habis.



=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3069/4658

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>